

Tarbiyah Pengasas Siri 43
2 Ogos 2022

1. Tanda-tanda Kemenangan Perjuangan

2. Kesihatan Fizikal

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan 1

Prof kata ISDEV jemaah perjuangan. Bila berjuang tentu ada kalah menang. Setakat ini apakah ISDEV menang atau kalah dalam perjuangannya?

1. Benar, ISDEV sebuah perjuangan.
2. Tapi perjuangan ISDEV bukan melawan musuh yang nyata, sebab ISDEV tidak ada musuh begitu (kecuali musuh dalam diri sendiri (nafsu), syaitan, dan pemikiran bukan-Islam).
3. Perjuangan ISDEV adalah untuk mencapai cita-cita:
 - ❖ Melahirkan sarjana yang beriman, bertaqwa (Rasa Bertuhan dan Rasa Kehambaan), berakhlak, berilmu.
4. Kemenangannya bergantung kepada 3 Kekuatan Asas (Iman & Taqwa, Ukhwah Fillah, Kefahaman & Keselarasan) dan 2 Rasa (Rasa Bertuhan & Rasa Kehambaan).
5. Jika 3 Kekuatan dan 2 Rasa ini dapat dicapai secara maksima, maka menanglah ISDEV, bukan sahaja

terhadap nafsu, syaitan, pemikiran bukan-Islam, tetapi juga terhadap hal-hal lain seperti Kaedah Pendekatan Ilmu (Akomodatif-Modifikasi-Methodologik), Boncengan Gratis, Dikotomi Ilmu-Amalan, Berpuak-puak & Bertelagah, Tidak Memanfaatkan Ummah, Jahil Protokol, dan sebagainya.

6. Tanda-tanda kemenangan itu ialah:

Warga

- ❖ Apabila warga jemaah jual dunia untuk agamanya, untuk Tuhannya
- ❖ Berkorban berhabis-habisan tanpa sukatan, tanpa limitnya
- ❖ Tidak ada iri hati dan hasad dengki
- ❖ Bersatu padu, rasa bersama, bekerjasama
- ❖ Masing-masing menonjolkan kawannya
- ❖ Baik sangka sesama warga
- ❖ Boleh bertolak ansur, berlebih kurang sesama warga
- ❖ Hidup satu sama lain macam adik-beradik
- ❖ Ibadah agak baik berbeza dengan orang Islam lainnya

Pemimpin

- ❖ Pemimpin nombor satu wibawanya bayangan Nabi (Ada ilmu, akhlaknya tinggi, ibadahnya istiqamah, adil dan kasih sayang dengan ahli-ahlinya)
 - ❖ Para pemimpin (pensyarah) bersatu hati
 - ❖ Warga taat setia dengan pemimpin-pemimpin (pensyarah-pensyarah) mereka
 - ❖ Mengasihi pemimpin (pensyarah) seperti mengasihi ahli keluarga sendiri
 - ❖ Sangat menjaga nama pemimpin (pensyarah)
7. Kalau sifat-sifat dan watak-watak di dalam ISDEV wujud seperti yang dinyatakan, maka lahirlah bangsa baru ISDEV bukan kerana keturunan tapi kerana iman dan taqwanya.
 8. Jika perkara-perkara ini telah dimiliki, pencapaian-pencapaian akademik akan terjadi dengan sendirinya. Allah mempermudahkannya, Insya-Allah.
 9. Dengan kriteria-kriteria ini, boleh nilai sendiri sama ada ISDEV telah menang atau masih kalah.

Soalan 2

Kebelakangan ini Prof nampak semacam membantu ISDEV dengan senaman kesihatan, padahal ISDEV adalah jemaah akademik. Kenapa tidak bantu ISDEV dengan aktiviti akademik? Bukankah itu lebih diperlukan oleh ISDEV daripada senaman kesihatan, terutama ketika ISDEV sedang cuba menjadi Hi-CoE?

1. Benar, secara relatifnya, saya sekarang lebih banyak tumpu pada senaman kesihatan daripada akademik.
2. Sebabnya adalah seperti berikut.
3. Dulu masa bina ISDEV, banyak tumpu pada akademik. Untuk ada track-record dan dinilai untuk naik taraf, kena ada pencapaian akademik.
4. Kemudian sedar, pencapaian akademik saja tidak cukup, jika tidak beriman dan berakhlak. Jadi tumpu pada pembinaan sahsiah warga ISDEV.
5. Kedua-dua pencapaian ini telah membawa kepada ISDEV yang ada sekarang, Alhamdulillah.
6. Tetapi setelah pencen dan banyak masa berfikir, tersedar bahawa satu perkara yang tidak saya tekankan ialah kesihatan fizikal.
7. Sebelum ini saya hanya tumpu kepada kesihatan minda (akademik) dan kesihatan spiritual (iman & taqwa) sahaja, tidak kepada kesihatan fizikal.
8. Ertinya apa yang ISDEV capai sekarang masih belum boleh dikatakan pencapaian holistik.
9. Untuk mengholistikkan pencapaian ISDEV inilah maka saya tumpukan kepada kesihatan fizikal.
10. Harapnya belum terlambat, dan harapnya saya masih sempat terlepas daripada dosa tidak perjuangkan Islam secara holistik.

11. Kesihatan fizikal boleh dilakukan dengan pelbagai cara, tetapi saya pilih senaman Waitankung atas sebab-sebab berikut:
- ❖ Pergerakan senamannya ringan, tetapi berkesan (contoh: Angkat tangan, urut mata, urut tapak tangan, urut perut lengan)
 - ❖ Pergerakannya sesuai dengan yang diperlukan oleh kerjaya sarjana. Misalnya untuk mengendurkan urut tengkok, melonggarkan bahu agar tidak diserang frozen shoulder, melancarkan pusingan darah, etc)
 - ❖ Pengasasnya (Grandmaster) adalah orang Islam - Hj Ali Chang Chih Tung (berhijrah dari Cina ke Taiwan)
 - ❖ Senamannya senaman berprestij - asal dari dalam istana. Diamal hanya oleh Maharaja dan orang-orang bangsawan. Haji Ali mengolahnya semula untuk orang awam amalkan di luar istana.
 - ❖ Bersenam bersama orang bukan Islam sebagai salah satu kaedah dakwah. Tak boleh cakap fasal agama, bangsa dan politik. Tapi boleh guna akhlak. Ia cukup berkesan setakat ini, Alhamdulillah.
12. ISDEV amal senaman Waitankung ini secara online pada setiap Sabtu pukul 7.00 pagi dan Ahad pukul 4.00 petang.